

www.mymrt.com.my

berita MRT

buletin projek MRT

APRIL 2013
JILID 2
EDISI 2

PP 178111/06/2013 (032659)

sedia untuk pelancaran

***PROJEK** MRT Lembah Klang bakal mengorak langkah ke satu fasa yang menarik. Persediaan bagi pelancaran dua buah mesin pengorek terowong yang pertama bagi projek ini sedang giat dijalankan. Bahagian jajaran bertingkat juga akan turut menyaksikan pelancaran galang kekotak bersegmen (segmented box girders) yang pertama bagi pembinaan jejambat.*

(Sila lihat mukasurat 2)



SEDIA DIPASANG • *Kepala pemotong mesin pengorek terowong (tunnel boring machine cutterhead) sedang diturunkan ke dalam Syaf Pelancaran Cochrane untuk dipasang ke perisai hadapan dan tengah yang telah pun diturunkan lebih awal. Sebaik sahaja mesin siap dipasang semula, ia akan mula kerja menggali terowong.*

dalam edisi ini



2 mesin pengorek terowong sedia memulakan operasi

3 PM lawat syaf pelancaran Cochrane

4 kemajuan projek

6 9,000 sebab mengapa mereka perlukan MRT

8 perumahan, bukan kongsi

MENDIRIKAN JEJAMBAT MRT

oleh Leong Shen-Li

DENGAN banyak tumpuan diberikan kepada bermulanya kerja membina terowong bagi Projek MRT Sungai Buloh–Kajang, mungkin ada pula yang akan terlepas pandang kemajuan yang terus dicatat oleh bahagian jajaran bertingkat projek ini.

Sebenarnya, bulan April turut bersejarah bagi bahagian jajaran bertingkat kerana persiapan kini rancak bagi bermulanya pemasangan galang kekotak bersegmen atau *segmented box girder* (SBG) di lokasi Stesen Bandar Tun Hussein Onn.

Pembinaan jejambat MRT melalui beribu unit SBG ini dilakukan dengan penggunaan SBG "*launching gantry*", sebuah struktur besi yang akan memastikan SBG tersusun rapi. SBG akan dicantumkan satu persatu menggunakan kabel dan akhirnya akan membentuk struktur bertingkat yang akan menjadi asas landasan bagi tren-tren MRT.

Kesemua unit SBG dihasilkan di dua lokasi berasingan, iaitu di Senawang, Negeri Sembilan, dan Sepang, Selangor.

Menurut Pengarah Projek Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, Encik Marcus Karakashian, lebih 17,000 unit SBG akan digunakan untuk membina laluan bertingkat sepanjang lebih kurang 42km panjang. Unit-unit SBG ini akan disokong oleh lebih daripada 1,000 batang tiang.

"Cara pemasangan SBG ini agak unik kerana sebaik sahaja unit pertama dipasang, kita akan dapat melihat kemajuan yang cepat dalam pembinaan jejambat bertingkat ini," jelasnya.



RUMIT • *"Launching gantry" pertama Projek MRT sedang dipasang di lokasi Stesen Bandar Tun Hussein Onn.*

MESIN PENGOREK TEROWONG SEDIA MEMULAKAN OPERASI

oleh Leong Shen-Li



SEMAKIN JELAS • *Mesin Pengorek Terowong Variable Density pertama dunia sedang dipasang di dalam Syaf Pelancaran Cochrane.*

PEMBINAAN jajaran pertama Projek MRT Lembah Klang, iaitu laluan Sungai Buloh–Kajang, kini bersedia untuk memasuki fasa paling menarik. Selepas lebih setahun kerja bermula, pembinaan terowong berkembar bawah tanah sepanjang 9.5km akan bermula.

Mesin pengorek terowong atau *tunnel boring machine* (TBM) yang pertama telah tiba dari Jerman pada penghujung Januari 2013, di Westport, Pelabuhan Klang. Ianya kini sedang dipasang semula di Syaf Pelancaran Cochrane, dan ianya agak rumit. Berat beberapa komponen mencecah 100 tan, dan ia perlu dihantar ke dalam syaf sedalam 30 meter menggunakan kren khas.

Untuk menyediakan tempat bagi TBM dilancarkan, Syaf Pelancaran Cochrane terpaksa digali sedalam 30m. Tanah dan batuan sebanyak 120,000 meter padu, bersamaan isipadu 50 kolam renang Olimpik, terpaksa dikeluarkan untuk membina syaf ini.

Panjang Syaf Pelancaran Cochrane adalah 180m, sementara panjang keseluruhan TBM adalah 200m. Ini bererti sebahagian daripada TBM ini hanya akan disambung setelah ia mula kerja mengorek dan masuk ke dalam terowong.

Mesin ini merupakan TBM *Variable Density* yang pertama di dunia, dan direka khas untuk mengorek kawasan geologi batu kapur Karstik di bahagian timur Kuala Lumpur. Ia akan mula kerja mengorek pada bulan Mei.

Dari Cochrane, TBM ini akan mengorek ke arah stesen Pasar Rakyat, dengan jarak lebih dari 1km dari lokasi permulaan. Ia akan siap kerja mengorek menjelang pertengahan tahun 2014.

Sementara itu, TBM kedua telah sampai pada penghujung Februari, dan sedang dipasang semula di Portal Semantan di Jalan Duta.

Ini merupakan TBM *Earth Pressure Balance*, dan akan digunakan untuk mengorek terowong di kawasan geologi Kenny Hill, di kawasan barat ibu kota. Geologi ini lebih kukuh berbanding geologi batu kapur Karstik.

Portal Semantan, terletak di lereng bukit di Jalan Duta, telah pun siap. Sebuah dinding pengadang telah dibina di lereng tersebut, dan TBM ini akan mengorek melalui dinding ini dan bergerak ke bawah tanah.

Dari Portal Semantan, TBM ini akan bergerak di bawah sebahagian Jalan Damansara ke arah KL Sentral. Stesen MRT di KL Sentral terletak di hadapan Muzium Negara, di bawah Jalan Damansara. Kemudiannya, TBM ini akan mengorek di bawah Jalan Sultan Hishamuddin, melepasi Stesen Keretapi Lama ke arah Stesen Pasar Seni. Jarak keseluruhan adalah 2.7km. Pengarah Projek Mass Rapid Transit Corporation, Encik Marcus Karakashian berkata kemajuan bahagian bawah tanah amat baik.

"Ini merupakan fasa yang amat menarik. Ia juga mencabar namun saya yakin kita akan mengatasinya, dan akan berjaya membina terowong ini tanpa isu," jelasnya. Katanya, kontraktor bawah tanah iaitu MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd dan sub-kontraktor mereka telah bertungkus lumus untuk tiba ke saat ini.

Dalam masa sebulan selepas dilancarkan, TBM "kembar" akan dilancarkan bersebelahan terowong yang telah siap dibina, untuk membina terowong selari dengannya. Kesemua 10 TBM akan bertugas secara "berkembar" untuk membina keseluruhan jajaran bawah tanah. Kerja-kerja membina terowong bagi MRT jajaran Sungai Buloh-Kajang dijangka siap dibina menjelang penghujung 2014.



BAHARU • *Kenderaan yang akan membawa sisa tanah dari mesin pengorek terowong keluar untuk dibuang.*



ASAS KUKUH • *Para pekerja sedang menyediakan biduk konkrit di mana mesin pengorek terowong akan dipasang dan dilancarkan.*



KEDUDUKAN TEPAT • *Perisai tengah mesin pengorek terowong selamat diturunkan ke dasar Syaf Pelancaran Cochrane.*



dari meja Ketua Pegawai Eksekutif

DATO' AZHAR ABDUL HAMID

EPISOD BAHARU SEDIA UNTUK BERMULA

DALAM edisi Berita MRT terdahulu, kami memberikan sedikit gambaran tentang kerja pengorekan terowong untuk jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang. Antara lain, kami menceritakan mengenai 10 mesin pengorek terowong (TBM) yang akan mengorek terowong sepanjang 9.5km di bawah kawasan paling sibuk di Kuala Lumpur.

Tiga bulan telah berlalu dan saya amat teruja kerana dua daripada 10 TBM tersebut telah pun sampai di Malaysia. Ianya kini sedang dipasang semula di Syaf Pelancaran Cochrane dan Portal Semantan.

Dan pada penghujung April, terciptalah episod baharu yang amat menarik dalam projek MRT Lembah Klang. Bermulalah pengorekan terowong sepanjang 9.5km di kota Kuala Lumpur. TBM yang pertama akan memulakan pengorekan dari Portal Semantan menuju ke KL Sentral dan Pasar Seni, sementara TBM kedua pula akan bermula dari Syaf Pelancaran Cochrane ke arah Pasar Rakyat. Bacalah maklumat lanjut dalam laporan utama Berita MRT ini.

Dalam membina terowong ini, kami akan menggunakan teknologi terkini, dalam mencipta sejarah tersendiri. TBM yang akan dilancarkan di Cochrane adalah TBM *Variable Density* yang pertama di dunia. Ianya direka khusus untuk menggali geologi batu kapur Karstik di bahagian timur ibu kota Malaysia.

Saya melihat sendiri TBM ini dipasang semula di Syaf Pelancaran Cochrane, dan ianya amat menakjubkan untuk melihat setiap bahagian TBM ini – ada yang seberat 100 tan – terpasang di dalam sebuah lubang yang mempunyai kedalaman 30m. Dalam sedikit masa lagi, ianya akan siap dan TBM ini akan bersedia untuk operasi.

Selain daripada fokus kepada TBM, satu lagi penanda aras utama dalam kemajuan projek MRT adalah bermulanya pemasangan jejambat MRT bagi bahagian jajaran yang bertingkat. Lebih daripada 17,000 keping galang kekotak bersegmen atau *segmented box girders* (SBG) akan diatur satu demi satu untuk membentuk laluan di mana trek untuk tren MRT akan dipasang.

Dalam aspek lain projek kami, kemajuan yang dicapai juga baik. Pastinya, ada beberapa cabaran yang dihadapi di beberapa lokasi namun dengan dedikasi dan usaha bersungguh-sungguh semua pihak, saya amat yakin semuanya mampu diatasi.

Ketika ini, rekabentuk tren sedang dikemaskini, selain menilai pelbagai tender yang masih belum diumumkan. Agenda Bumiputera projek kami bergerak lancar, dengan 44 pakej diberikan kepada kontraktor Bumiputera kelas G1, G2 dan G3 awal tahun ini. Pemberian kontrak secara cabutan undi ini akan berterusan setiap suku tahun.

Seperti yang saya katakan dalam edisi-edisi terdahulu, semakin tinggi kemajuan projek, maka semakin mencabarlah keadaan trafik di Lembah Klang. Namun, pihak kami sentiasa berusaha mengurangkan beban kepada pengguna jalanraya di samping mensasar kerja-kerja dapat disiapkan lebih awal. Setiap perubahan kepada laluan trafik juga akan diumumkan kepada semua pihak melalui media massa.

Usaha juga diteruskan dalam mendekati semua penduduk dan pemilik perniagaan sepanjang Jajaran MRT Sungai Buloh–Kajang. Kami mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terpaksa melalui kawasan kerja kami di banyak kawasan di kota Kuala Lumpur dan sekitarnya atas kesabaran mereka. Projek ini bertujuan mengurangkan kesesakan lalulintas di bandar raya kita, dan saya yakin ini adalah sesuatu yang amat ditunggu-tunggu semua warga kota.

Terima kasih.

Azhar



SENYUMAN • *Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak sedang beramah mesra bersama (dari kanan) Pengarah Urusan Kumpulan Gamuda Bhd Dato' Lin Yun Ling, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Chief Dato' Azhar Abdul Hamid, dan bekas Pengerusi MRT Corp Tan Sri Sidek Hassan, sewaktu beliau membuat lawatan mengejut ke Syaf Pelancaran Cochrane.*

PM LAWAT SYAF PELANCARAN COCHRANE

oleh Nik Haizan Nik Zambri

PERDANA Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah melakukan satu lawatan mengejut ke tapak pembinaan stesen bawah tanah Cochrane pada 4 Januari 2013.

Perdana Menteri tiba di kawasan kerja Cochrane pada jam 4.15 petang dan menghabiskan lawatan sekitar satu jam di lokasi. Beliau telah diberikan taklimat projek oleh Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Dato' Azhar Abdul Hamid dan juga Pengarah Kerja Bawah Tanah (Terowong) Encik Blaise Mark Pearce.

Dalam sesi ringkas bersama media selepas itu, Dato' Sri Mohd Najib berkata penerimaan rakyat terhadap projek MRT semakin positif kerana mereka kini dapat membayangkan pemulihan sistem pengangkutan awam Kuala Lumpur, selain peningkatan nilai hartanah mereka terutamanya bagi kawasan berhampiran dengan stesen MRT.

"Projek MRT juga akan mewujudkan peluang perniagaan yang baharu di Kuala Lumpur, selain meletakkan imej bandar raya ini sebaris dengan kota-kota utama di dunia," jelas beliau kepada media.

Jelas beliau lagi, baik syarikat besar mahupun yang kecil semuanya mampu mengambil peluang yang hadir akibat pembinaan MRT.

"Saya juga telah bertemu dengan puluhan jurutera muda warga Malaysia, yang akan mendapat manfaat dan pengalaman daripada pembinaan projek ini yang menggunakan teknologi terkini industri pembinaan terowong," tambah beliau.

Tapak pembinaan Cochrane merupakan lokasi di mana empat daripada 10 buah mesin pengorek terowong (TBM) akan mula menggerudi bagi pembinaan terowong bagi Jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang.

Turut hadir adalah bekas Pengerusi MRT Corp Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Pengarah Urusan Kumpulan Gamuda Bhd Dato' Lin Yun Ling, Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation Datuk Hj Hasni Harun, serta barisan pengurusan kanan MRT Corp, Gamuda Bhd dan MMC Corporation Bhd.



MAKLUMAT • *Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak diberi taklimat oleh Encik Blaise Mark Pearce di Syaf Pelancaran Cochrane.*



MENUNJUK JALAN • *Dato' Azhar Abdul Hamid (kanan) dengan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak (kedua dari kiri) berjalan ke Syaf Pelancaran Cochrane.*

kemajuan projek



PEMBINAAN TERANCANG
Kuarters Pekerja Sungai Buloh bagi menempatkan pekerja pembinaan sedang dibina.



BERBARIS
Pemasangan besi tetulang bagi bangunan Depoh Sungai Buloh sedang dilakukan.





JENTERA BERAT
Kerja-kerja memantakkan cerucuk sedang dijalankan bagi pembinaan jajaran MRT di Institut Penyelidikan Getah berhampiran Jalan Sungai Buloh-Subang.



KEMAJUAN
Pembinaan di persimpangan LDP/Jalan Damansara di Taman Tun Dr Ismail di mana pembinaan "pile cap" sedang dijalankan.



LOKASI SIBUK
Pandangan dari udara Syaf Pelancaran Pudu di persimpangan Jalan Bukit Bintang-Jalan Pudu, di mana pembinaan tembok diafragma (diaphragm wall) sedang dijalankan.



PANORAMA
Pandangan dari udara kerja pembinaan MRT yang sedang dijalankan di sepanjang Lebuhraya Sprint berdekatan dengan Kelab Golf Perkhidmatan Awam.



KERJA YANG RUMIT
Kaison digali dengan tenaga manusia bagi pembinaan tembok penahan di belakang deretan rumah di Jalan Kasah. Tembok penahan ini akan membolehkan sebuah lorong baharu diwujudkan bagi mengganti ruang yang digunakan untuk jejambat MRT di tengah-tengah Lebuhraya Sprint.



SEMPIT
Pemandangan tapak pembinaan Stesen MRT Bukit Bintang di Jalan Bukit Bintang yang berhadapan dengan BB Plaza.



GIAT DIJALANKAN
Kerja pembinaan bagi jajaran dan stesen MRT di hadapan deretan kedai di Taman Midah.



HAMPIR SIAP
Tiang 63 dan Tiang 64, yang berdekatan dengan Tesco di Taman Midah.



MODEN
Ruang kediaman di dalam Kuarters Pekerja Cheras yang menempatkan pekerja bagi Pakej Kerja V5 (Portal Maluri ke Plaza Phoenix) dan V6 (Plaza Phoenix ke Bandar Tun Hussein Onn).



SIAP
Tiang-tiang di sepanjang Lebuhraya Cheras-Kajang (Grand Saga) di Kampung Sungai Raya bersedia untuk menyokong jajaran bertingkat MRT.





RUANG KERJA SEMPIT
Pandangan dari udara tapak pembinaan di Persimpangan Maarof Lebuhraya Sprint. Lokasi ini bakal menjadi Stesen Pusat Bandar Damansara.



TAPAK PELANCARAN
Pandangan dari udara Portal Semantan bersama bahagian-bahagian Mesin Pengorek Terowong Earth Pressure Balance yang ditutup dengan kain tarpaulin hijau di tapak pembinaan.



KERJA BERAT
Pandangan keseluruhan petak Stesen KL Sentral di hadapan Muzium Negara.



BERJALAN LANCAR
Pandangan keseluruhan kerja-kerja pembinaan di Stesen Pasar Seni. Antara kerja yang dijalankan adalah pembinaan tembok diafragma (diaphragm wall) dan topang bawah (underpinning) bagi stesen LRT Pasar Seni yang sedia ada.



LUBANG DALAM
Kerja mengorek Syaf Bawah berhampiran Jalan Inai di mana sebuah mesin pengorek terowong akan dilancarkan.



SEMAKIN JELAS
Pandangan dari udara tapak pembinaan Stesen Pasar Rakyat. Stesen ini akan berada di tengah-tengah pembangunan Tun Razak Exchange (TRX).



SYAF YANG DALAM
Pandangan dari udara petak stesen dan Syaf Pelancaran Cochrane.



LENCONGAN
Kerja-kerja penyediaan bagi lencongan jalan di hadapan Aeon Taman Maluri untuk memberi ruang bagi pembinaan Stesen MRT Maluri.



SIAP UNTUK PEMBINAAN
Tapak pembinaan dibersihkan bagi pembinaan jajaran MRT bersebelahan Lebuhraya Cheras-Kajang (Grand Saga) dan stesen Taman Koperasi di Bukit Dukung.



SEMAKIN JELAS
Tiang-tiang dibina bersebelahan Lebuhraya Cheras-Kajang (Grand Saga) berdekatan dengan Sungai Balak.



LANCAR
Pandangan dari udara kerja-kerja pembinaan MRT dari utara menuju ke bandar Kajang di stesen pemancaran RTM Kajang dan Stadium Kajang.

9,000 SEBAB MENGAPA MEREKA PERLUKAN MRT

oleh Nik Haizan Nik Zambri



PEMENANG • *Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Azhar Abdul Hamid (kiri) bersama pemenang-pemenang (dari kiri) Puan Angeline Tu Sun Ing, Cik Yvonne Tan Eng Yen, Cik Atiqah Abdul Aziz and Encik Azmil Mohamed. Bersama mereka ialah Pengarah MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd, Dato' Azmi Mat Nor.*



BANGGA • *Pemenang Hadiah Utama Puan Angeline Tu Sun Ing bergambar bersebelahan sebuah poster yang menunjukkan penyertaan yang dimenanginya.*

PERADUAN "Saya perlu MRT sebab…" anjuran Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) yang telah berjalan selama tiga bulan diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah yang gilang gemilang pada 29 Januari 2013.

Kira-kira 50 orang yang terdiri daripada pengurusan MRT Corp, Gamuda Bhd, MMC Corporation Bhd dan rakan-rakan media, telah hadir di majlis yang diadakan di Restoran TEEQ di kawasan atas bumbung di Kompleks Membeli-belah Lot 10 di Kuala Lumpur.

Malam itu tertumpu kepada empat pemenang peraduan, terutamanya pemenang hadiah utama Puan Angeline Tu Sun Ing, yang membawa pulang RM10,000. Penyertaannya berbunyi: "Saya perlu MRT sebab ia boleh mengurangkan penggunaan sebanyak 198,000 kereta sehari" dan disertai gambar yang menunjukkan kesesakan lalu lintas di bawah sebuah jambatan jalan raya.

Menjelaskan penyertaannya dalam peraduan ini, Puan Angeline berkata: "Saya berpindah dari Johor ke Kuala Lumpur empat tahun yang lalu dan saya amat bergantung pada pengangkutan awam di sini."

"Walaupun infrastruktur awam di sini sudah maju, saya berasa banyak lagi yang boleh dibuat untuk memperkasakannya dan tidak boleh dinafikan, MRT adalah jawapannya. Saya sekeluarga tidak sabar menanti siapnya MRT," tambahnya.

Tiga pemenang bertuah yang lain adalah Cik Atiqah Abdul Aziz, Encik Azmil Mohamed dan Cik Yvonne Tan Eng Yen. Mereka merupakan pemenang bulanan bagi bulan Oktober, November dan Disember. Mereka menerima RM5,000 setiap seorang.

Penyertaan Cik Atiqah adalah: "Saya perlu MRT sebab ianya satu keperluan untuk saya menepati masa di kota yang sentiasa bergerak pantas ke hadapan" manakala penyertaan Encik Azmi berbunyi: "Ia adalah seperti 'kereta' kedua saya, tapi saya tidak bayar petrol atau tol, dan tiada kesesakan serta pencemaran". Penyertaan Cik Yvonne ialah: "Perjalanan beribu batu akan lebih mudah dan gaya hidup saya juga lebih mesra alam."

Hadiah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Dato' Azhar Abdul Hamid dan Pengarah MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd, Dato' Azmi Mat Nor.

Pada September 2012, MRT Corp menganjurkan peraduan "Saya perlu MRT sebab…" untuk mewujudkan kesedaran mengenai projek MRT. Peraduan tiga bulan ini memerlukan peserta menghantar gambar dan slogan yang menerangkan mengapa mereka perlukan MRT dalam kehidupan seharian melalui laman sesawang mikro peraduan.

MRT Corp telah menerima hampir 9,000 penyertaan dan meraih lebih 10,000 undian!

44 KONTRAKTOR BUMIPUTERA DIPILIH

oleh Nik Haizan Nik Zambri

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah mengadakan satu majlis undian bagi memilih kontraktor Bumiputera untuk 44 pakej kerja Projek MRT Lembah Klang Jajaran Sungai Buloh-Kajang pada 30 Januari 2013. Kontrak yang dianugerahkankan adalah untuk kontraktor Bumiputera Kelas G1 (dahulunya Kelas F) Kelas G2 (dahulunya Kelas E) dan Kelas G3 (dahulunya Kelas D).

Kontraktor- kontraktor ini dipilih daripada senarai 550 kontraktor yang telah disenarai pendek daripada sejumlah 1,300 buah syarikat bumiputera yang membuat permohonan tahun lepas.

Semua syarikat yang berjaya mendapat kontrak akan mengikuti sebuah program latihan sebelum memulakan kerja. Latihan ini adalah sebahagian daripada usaha MRT Corp bagi memastikan syarikat-syarikat yang berjaya dapat memaksimumkan kecekapan dan juga keuntungan mereka.

Sesi latihan dua hari yang pertama telah diadakan di Ibu Pejabat MRT Corp pada 6 Mac 2013 dan 7 Mac 2013. Kursus dua hari ini disampaikan oleh MRT Corp dan juga MMC Gamuda selaku Rakan Pelaksana Projek. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), satu unit Kementerian Kerja Raya Malaysia, turut menyampaikan modul yang disediakan khas kepada peserta.

Pengagihan kontrak-kontrak ini adalah sebahagian daripada sasaran Kerajaan untuk mencapai 43% penyertaan kontraktor Bumiputera dalam projek MRT.

MRT Corp telah memperuntukkan 250 pakej kerja yang bernilai RM200 juta, bagi kontraktor Bumiputera dan undian untuk memilih kontraktor akan dijalankan pada setiap suku tahun.



KENANGAN • *Kontaktor Bumiputera yang berjaya di acara pengundian bergambar bersama-sama selepas proses pengundian selesai.*



MENUMPUKAN PERHATIAN • *Kontraktor bumiputera menjalani sesi latihan di ibu pejabat MRT Corp.*



TELUS • *Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Dato' Mokhtar Samad, mencabut nama kontraktor Bumiputera untuk dipilih bagi satu kontrak.*

PELANCARAN ETBS DI BURSA SAHAM

oleh Nik Haizan Nik Zambri

BON dan Sukuk yang Diniagakan di Bursa atau *Exchange Traded Bonds and Sukuk* (ETBS) yang diterbitkan oleh Danainfra Nasional Berhad muncul di Bursa Malaysia untuk kali pertamanya pada 8 Februari 2013.

Sukuk Danainfra adalah yang pertama seumpamanya di mana ia boleh diniagakan sebelum tempoh matangnya iaitu 10 tahun.

Dengan nilai muka RM100 seunit, sekurang kurangnya 10 unit diperlukan sebagai modal bagi memulakan pelaburan dalam ETBS. Kadar pulangan keuntungan sukuk yang dijamin oleh Kerajaan ini adalah 4%, dan dikecualikan cukai.

Danainfra ialah sebuah anak syarikat milik penuh Kementerian Kewangan. Ia ditubuhkan khusus untuk menjana dana bagi projek-projek infrastruktur. Sukuk Danainfra dilancarkan untuk membiayai pembinaan Jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang.

ETBS telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 8 Januari 2013. Pada pelancaran tersebut, beliau berkata terbitan ETBS akan membolehkan rakyat mengambil bahagian dalam kejayaan negara.

"Dengan membuka ekonomi, kita menawarkan rakyat satu kepentingan dalam kejayaan negara dan bermula hari ini, peluang ini terbuka kepada lebih ramai orang, dan bon Islam akan diniagakan lebih meluas berbanding sebelum ini."

"Saya sangat gembira untuk mengatakan bahawa dana yang diraih akan menyokong projek MRT, iaitu mercu tanda yang akan memainkan peranan penting dalam kejayaan masa depan Malaysia."

Danainfra telah memperuntukkan sebanyak RM300 juta di bawah terbitan ini. Bon ini dibuka dengan harga RM100.98 seunit dan mencatat paras tertinggi RM101.40 seunit sebelum tutup dengan harga RM101.31 pada hari pertama. Sejumlah 1.4 juta unit diniagakan pada hari itu.

MIT BAHARU KINI BEROPERASI

oleh Natalya Evon Matthew



WAJAH BAHARU • *Pengunjung memasuki MIT yang telah direka semula.*

SEJAK Februari 2013 lalu, sebuah Trak Informasi MRT ataupun *MRT Information Truck* (MIT) baharu kini telah memulakan tugas untuk Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp). Trak serba baharu ini mempamerkan rekabentuk terkini dalam penjenamaan MRT, iaitu menggunakan latar panorama bandaraya Kuala Lumpur.

MIT ini lengkap dengan dua kios interaktif dan sebuah sistem "Hawkeye" yang mampu memberikan pengunjung gambaran 360 darjah untuk keseluruhan jajaran MRT Sungai Buloh–Kajang, termasuk maklumat lokasi stesen.

Dinding luar trak baharu ini mempamerkan salah satu pemenang peraduan "Saya perlu MRT sebab…" yang berlangsung tahun lalu, dan juga latar panorama bandaraya Kuala Lumpur yang dihasilkan menggunakan cap tapak tangan. Kepelbagaian saiz dan warna tapak tangan ini melambangkan warga kota yang datang dari pelbagai latar belakang etnik dan budaya.

Apabila anda melangkah ke dalam MIT, visual dalaman trak ini menjadikan suasana seumpama anda berada di salah sebuah stesen MRT. Rekabentuk baharu MIT ini mesra pengguna, dan membantu pengunjung memahami projek MRT dengan lebih baik.

MIT beroperasi setiap hari kecuali hari Isnin, dan akan berada di dua lokasi berlainan dalam sehari. Untuk mengetahui lokasi terkini MIT, layari laman web MRT Corp di *www.mymrt.com.my* atau ikuti alamat Twitter @MRTMalaysia.

HARI TERBUKA PORTAL SEMANTAN

oleh Nik Haizan Nik Zambri



MENARIK • *Penduduk melihat papan maklumat yang menerangkan kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan di tapak pembinaan Portal Semantan dipersembahkan dengan beberapa visual pada Hari Terbuka.*

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan kontraktor kerja bawah tanah mereka, MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd telah menganjurkan sebuah Hari Terbuka di Portal Semantan (berdekatan Bangunan Parlimen Malaysia), khusus untuk penduduk sekitar tapak projek tersebut.

Acara yang berlangsung pada 2 Mac 2013 itu adalah yang julung kali membenarkan penduduk masuk ke tapak projek untuk melihat dengan lebih dekat aktiviti pembinaan yang dijalankan.

Antara yang menarik adalah lokasi di mana mesin penggali terowong (TBM) akan dilancarkan, dan dinding yang akan digerudi TBM tersebut sebelum ia bergerak ke bawah tanah. Maklumat projek turut dipaparkan sepanjang Hari Terbuka tersebut, selain sebuah video yang dimainkan untuk menunjukkan cara TBM beroperasi.

Portal Semantan terletak di hujung utara terowong sepanjang 9.5km Jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang. Lokasi hujung selatan iaitu Portal Maluri terletak berhampiran Taman Bukit Ria di Jalan Cheras. Selain memberi peluang untuk mempamerkan kemajuan projek, Hari Terbuka ini juga memberi peluang kepada MRT Corp dan MMC Gamuda untuk mengenali penduduk sekitar dengan lebih rapat.

Acara sebegini akan diadakan sekerap mungkin untuk membolehkan warga kota terutamanya yang tinggal berhampiran kawasan projek memahami projek MRT dengan lebih baik.

PERISTIWA



KERJASAMA • Ketua Eksekutif CIDB Malaysia Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abdul Karim (dua dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd Dato' Azhar Abdul Hamid (dua dari kanan) bertukar dokumen selepas menandatangani satu memorandum persefahaman dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang akan meletakkan Projek MRT Lembah Klang sebagai satu penanda aras industri dalam kualiti pembinaan dan kepatuhan prosedur keselamatan dan kesihatan.



BERHADAPAN DENGAN ORANG AWAM • Timbalan Pengurus Besar MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd Encik Stanley Keung berucap di hadapan penduduk Casa Indah 1 dan 2 di Kota Damansara pada 4 Januari 2013. Semasa sesi ini, penduduk menyuarakan kebimbangan mereka mengenai laluan bawah tanah yang akan dibina di persimpangan Persiaran Surian dan Persiaran Mahogani. Pasukan Projek MRT menerangkan bahawa langkah-langkah tertentu akan diambil untuk meminimumkan kesulitan bagi penduduk-penduduk.



KASUAL • Pengarah Hal Ehwal Pihak Berkepentingan dan Pengurusan Tanah Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd Encik Haris Fadzilah Hassan (kanan) menerangkan kepada penduduk Kampung Selamat, Sungai Buloh, mengenai butiran jajaran yang berdekatan dengan kampung itu. Sesi bersama orang awam ini diadakan di Surau Kampung Selamat pada 17 Januari 2013 dan telah dihadiri oleh kira-kira 50 orang.



PERHATIAN PERIBADI • Ir. Chan Keng Lum dari Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (berdiri) menunjukkan butiran Projek MRT kepada ahli-ahli pengurusan Kondominium Menara Bangsar. Pertemuan ini telah diadakan pada 7 Februari 2013 di ibu pejabat MRT Corp.



MENDAPATKAN BUTIRAN • Penduduk Villamas Sierramas Sungai Buloh mendengar Pengurus Kanan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan dan Pengurusan Tanah Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd Cik Zainab Abdul Aziz (berdiri, dua dari kiri) dan Encik Muhammad Amran Othman dari MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd (berdiri, kiri) menerangkan butiran mengenai Projek MRT pada 21 Februari 2013. Villamas Sierramas terletak berdekatan lokasi bakal stesen MRT Sungai Buloh.



MENYUARAKAN PENDAPAT • Seorang penduduk Taman Billion, Cheras, bertanyakan soalan mengenai Projek MRT sewaktu satu sesi dengan orang awam pada 27 Februari 2013. Lebih daripada 50 orang penduduk telah menghadiri sesi perjumpaan itu.



PERHATIAN LUAR NEGARA • Sekumpulan 200 orang pelajar dari Norwegian University of Science and Technology, Trondheim, telah melawat ibu pejabat Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd pada 18 Mac 2013 bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai Projek MRT. Pelajar-pelajar ini berada dalam tahun ketiga program sarjana mereka mengkhusus dalam rekabentuk kejuruteraan awam. Mereka kemudiannya dibawa melawat di sekitar jajaran.



PERHATIAN PENUH • Encik Mohd Fuad Mohd Daud, Pengurus Projek dari TSR Bina Sdn Bhd, kontraktor utama bagi Depoh Kajang, memberi penerangan mengenai kerja pembinaan di sesi bersama orang awam di Balai Raya Kampung Sungai Jernih, Kajang pada 11 Januari 2013. Kampung ini berdekatan dengan tapak pembinaan Depoh Kajang. Sekitar 70 orang penduduk hadir di sesi tersebut.

PERUMAHAN, BUKAN KONGSI

oleh Leong Shen-Li



LOKASI BAIK • *Pandangan dari udara Kuarters Pekerja Cheras.*



MENYEDIAKAN JUADAH • *Seorang pekerja sedang menyediakan makanannya di dapur bersama.*



BERIADAH • *Pekerja-pekerja bermain futsal pada masa lapang mereka.*

JIKA anda melalui lorong-lorong di antara barisan kabin-kabin yang teratur di Kuarters Pekerja MRT Kompleks Cheras, perbezaan antara tempat tinggal ini dengan kongsi-kongsi yang lazimnya dilihat di kawasan pembinaan sekitar Malaysia amat ketara.

Terletak di sebuah lembah kecil antara Cheras Sentral (yang dahulunya dikenali sebagai Plaza Phoenix) dan Kolej Polis DiRaja Malaysia, kuarters inilah yang akan menempatkan ribuan pekerja bagi pembinaan sistem MRT pertama negara.

Warga Bangladesh, Encik MD Alamin Hosain, antara penghuni yang jelas gembira dengan persekitaran yang kemas dan bersih kompleks tersebut.

"Inilah tempat paling cantik yang pernah saya diami sejak sampai ke Malaysia enam tahun lalu," kata Encik MD Alamin, yang bekerja dengan salah satu kontraktor MRT.

"Di sini saya berkongsi sebuah kabin dengan lima pekerja lain. Tilam, bantal, kain cadar dan dua unit kipas semuanya sudah disediakan. Kabin ini juga amat bersih," jelas beliau. Antara rakan-rakan beliau di kompleks ini adalah pekerja dari Bangladesh, Myanmar, Nepal dan India, selain dari beberapa negara lain.

Kompleks Cheras adalah salah satu antara empat kuarters yang disiapkan untuk pekerja projek MRT, yang dijangka akan menggunakan seramai 12,000 tenaga kerja ketika pembinaan menjangkau tahap kemuncaknya. Tiga lagi kompleks terletak di Sungai Buloh, Cochrane dan Kajang.

Setiap kuarters dibina umpama sebuah taman perumahan mini, lengkap dengan kemudahan untuk manfaat pekerja. Kabin tempat tinggal dilengkapi tiga katil dua tingkat, enam almari dan dua unit kipas.

Sebuah kafeteria beroperasi untuk pekerja membeli makanan, selain disediakan juga sebuah dapur pusat bagi mereka yang mahu memasak sendiri. Turut disediakan, kawasan rekreasi, sebuah klinik dan lot kedai.

Pergerakan pekerja dipantau rapi, menggunakan sistem pas dan pengimbasan wajah elektronik. Bagi pelawat, mereka perlu mendaftar untuk mendapatkan pas sementara. Bas digunakan untuk menghantar pekerja ke lokasi projek, dan juga untuk menghantar mereka pulang.

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd mahu sistem kuarters ini menjadi penanda aras baharu dalam industri pembinaan negara.

Bagi Encik MD Alamin, kuarters serba lengkap ini mungkin antara satu sebab beliau tidak ragu untuk berkata: "Saya harap saya akan bekerja dengan projek MRT ini selama yang saya boleh."



STOK YANG MENCUKUPI • *Salah sebuah kios dalam Kuarters Cheras.*



KEMAS • *Pegawai Kuarters Pekerja Cheras MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd Encik Sudirman Mahili (kiri) memerhatikan Encik MD Alamin (berbaju kelabu) dan seorang lagi pekerja mengemas sebuah bilik.*



DISUSUN DENGAN BAIK • *Tempat tinggal, dapur dan bangunan yang lain diatur dengan baik di kuarters pekerja.*

TEMPAT TREN DISIMPAN DAN DISELENGGARA

oleh Leong Shen-Li

ANTARA cabaran dalam membina sistem rel di kawasan bandar adalah mencari lokasi yang luas sebagai depoh untuk tren disimpan, diselenggara dan diperbaiki.

Bagi jajaran pertama Projek MRT Lembah Klang, iaitu jajaran Sungai Buloh-Kajang, sebidang tanah yang dahulunya dimiliki Institut Penyelidikan Getah Malaysia akan menjadi depoh utama, di Sungai Buloh. Di Kajang pula, sebidang tanah yang lebih kecil, terletak di Kampung Sungai Jernih, akan menjadi depoh.

Luas Depoh Sungai Buloh adalah 65 hektar, iaitu sebesar 100 padang bola sepak.

Kesemua 58 set tren yang akan beroperasi di Jajaran Sungai Buloh-Kajang mampu diletakkan di depoh ini, selain menempatkan bangunan penyelenggaraan dan bengkel. Depoh Sungai Buloh juga akan menempatkan nadi sistem MRT ini, iaitu Pusat Kawalan Pusat atau *Operations Control Centre* (OCC) yang akan mengawal pergerakan tren sepanjang jajaran. Depoh Kajang pula jauh lebih kecil dari segi saiz, iaitu 12 hektar. Ia akan mempunyai landasan sisi yang cukup untuk menempatkan tren yang akan beroperasi dari Kajang ke arah Sungai Buloh. Depoh ini mampu menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan ringan, dan akan menempatkan OCC sokongan bagi jajaran Sungai Buloh-Kajang.

Kerja pembinaan kedua-dua depoh ini berjalan lancar, dengan pemasangan cerucuk di Depoh Sungai Buloh kini rancak. Di Kajang, lokasi telah pun disiapkan dan kini bersedia untuk memulakan pembinaan.

Pengarah Projek Mass Rapid Transit Corporation, Encik Marcus Karakashian berkata menyiapkan depoh-depoh ini amat penting.

"Lokasi-lokasi ini perlu siap untuk menerima tren-tren MRT pada tahun 2014, dan kontraktor kami kini bertungkus lumus untuk mencapai sasaran tersebut," jelas beliau.



LUAS • *Pandangan dari udara tapak pembinaan Depoh Sungai Buloh (dalam kawasan kuning), bersama Kuarters Pekerja Sungai Buloh bersebelahannya (dalam kawasan merah). Gambar kecil menunjukkan kerja memantakkan cerucuk di tapak.*

Kami mengalu-alukan pertanyaan dan pandangan anda.

Emel ke

feedback@mymrt.com.my

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V)
Level 5, Menara I & P 1, No. 46, Jalan Dungun,
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

HOTLINE 24 JAM

1800 82 6868

www.mymrt.com.my

PUSAT INFORMASI MRT

KOTA DAMANSARA
No. A-9-G, Jalan Teknologi 3/9
Bistari De Kota, Seksyen 3
Kota Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

TAMAN TUN DR ISMAIL
TTDI Plaza, Jalan Wan Kadir 3
Taman Tun Dr Ismail
60000 Kuala Lumpur

KAJANG
No. 11-G, Jalan Metro Avenue 1
43000 Kajang, Selangor

Isnin - Jumaat: **10.00 pagi - 6.00 petang**
Sabtu: **10.00 pagi - 2.00 petang**

MRT CORP

DITERBITKAN OLEH:
MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V)

DICETAK OLEH:
JESPRIN SDN BHD (181756-V)